

08/01/1997

Masa bagi BN Kelantan lakukan muhasabah

Mohd Shah Abdullah

KEYAKINAN Barisan Nasional (BN) untuk menang sejak hari penamaan calon 26 Disember lalu bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulai Chondong (N32) nampaknya tersasar. Pas yang meletakkan calon, Zulkefli Mamat, 37, seorang pensyarah di Institut Teknologi Mara (ITM) akhirnya menewaskan calon BN, Yusoff Hamzah, 51, dengan majoriti tipis 118 undi. Keyakinan tinggi BN untuk `menggerhanakan' bulan (lambang Pas) sekurang-kurangnya di Pulai Chondong jika pun tidak menjadi igauan buruk, hanya tinggal sejarah dan harapan. BN tewas di kubu kuatnya sendiri.

Pas pula mengukuhkan cengkamannya menambah kerusi di DUN Kelantan kepada 26 kerusi manakala BN kini hanya tinggal 16 perwakilan, diketuai Ahli Dewan Undangan Negeri Melor, Zainal Abidin Abdul Kadir untuk berhadapan dengan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat.

BN yang nyata kecewa dengan kekalahan itu bagaimanapun tidak seharusnya bermurung, melunturkan terus keyakinan dan moral sehingga tidak lagi bersedia mengharungi liku-liku perjuangan menawan semula Kelantan yang terlepas kepada Kerajaan Pas sejak 1990. Inilah masa paling sesuai bagi BN di Kelantan melakukan muhasabah, mengkaji, mendalami dan menghalusi, kenapa ia kalah di kubu kuat tradisinya. Lebih-lebih lagi BN kalah selepas usaha penyatuan Melayu dilakukan dengan bekas Parti Melayu Semangat 46 (S46) beberapa bulan lalu.

Timbalan Pengerusi BN negeri, Datuk Annuar Musa yang bertindak sebagai Pengarah Pilihan Raya DUN Pulai Chondong memang mengakui hakikat betapa perlunya satu muhasabah dilakukan bagi mengkaji punca kekalahannya. Beliau sendiri mengambil sikap tidak mahu menuding jari kepada mana-mana pihak atas kekalahan itu. Itulah sikap yang wajar kerana akhirnya semua pihak harus menerima tanggungjawab atas kekalahan itu.

Pandangan itu disokong Pensyarah Kanan Jabatan Sejarah Universiti Malaya (UM), Prof Madya Mahadzir Mohd Khir yang menegaskan betapa BN perlu membuat pemeriksaan semula terhadap faktor kekalahannya.

Sudah tentu anjuran muhasabah itu memerlukan kajian terhadap cara dan strategi yang diguna pakai, keberkesanan jentera, kerjasama di peringkat bahagian, kerjasama Umno dan bekas S46, bahkan tidak kurang pentingnya senarai daftar pengundi. Faktor terakhir ini amat penting kerana BN sendiri amat yakin sejumlah undi penentu, misalnya sudah pasti diraih untuk menjamin kemenangannya. Sebab itu, di peringkat awal sehingga kemuncak kempen pada malam 5 Januari, pemimpin BN masih optimis kemenangan berpihak kepadanya dengan majoriti tipis sekitar 400 hingga 500 undi tetapi tidak melebihi 1,000 undi. Undi itu boleh diraih melalui sokongan pengundi di luar Kelantan di sekitar 1,000 orang. S46 pula mendakwa mempunyai kira-kira 3,000 pengundi walaupun selepas semakan hanya mempunyai sekitar 800 orang sahaja. Jika kaedah `congak mudah' itu boleh dijadikan asas, mengapa BN akhirnya kalah dengan majoriti 118 undi.

Patut juga ditanya sejauh mana bekas S46 yang kononnya mempunyai sekian banyak `bala tentera' (penyokong) tidak mampu membantu kemenangan BN. Jika teori pilihan raya 1990 dan 1995 mengandaikan BN tewas kerana S46 mendapat bantuan Pas, mengapa sekarang dalam keadaan Pas berseorangan masih menang walaupun dengan majoriti tipis. BN harus sanggup menerima kenyataan bahawa kemenangan Pas itu adalah di kubu kuat BN sendiri. Harus diulangi di sini bahawa hukum demokrasi bagi sesuatu pilihan raya ialah kemenangan harus diterima walau cuma mempunyai kelebihan satu undi.

Tidak keterlaluan ada beberapa strategi Pas sebenarnya cukup berkesan

bagi membantu kemenangannya. Amalan kesederhanaan dalam berkempen Pas nampaknya menjadi. Tindakannya menggugurkan penceramah agresif Mohamad Sabu, Abdul Razak Abas dan Buniyamin Yaakob turut membantu kemenangan Pas. Penyokong muslimatnya juga dikatakan bergerak secara berkesan dan teratur sebagai peraih undi, sehingga saat akhir pengundian.

BN bagaimanapun sebenarnya berusaha mempraktikkan prinsip kesederhanaan berkempen seperti cara yang ditunjukkan Annuar dan Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Mustapha Mohamad. Namun cara yang ditunjukkan Ibrahim Ali, misalnya patut dikaji semula. Caranya yang keras membuat bidasan dan kritikan terhadap Pas termasuk menghentam peribadi mungkin perlu dikaji semula terutama ada yang tidak senang termasuk oleh penyokong BN sendiri. Ini termasuklah apabila beliau mengkritik secara terbuka peribadi Menteri Besar, Nik Aziz. Mungkin itu cara Ibrahim tetapi sebagai anak jati Kelantan, beliau tentu faham psikologi orang Kelantan sendiri. Pendekatan 'gedebe' (baca lantang/outspoken) dalam suasana pertarungan Pas/Umno yang bersifat ideologikal dan strategi malahan kadangkala terlalu emosional, amat tidak sesuai cara-cara memukul peribadi dilakukan.

Dalam pada itu tidak banyak maklumat mengenai cara berkempen Wanita Umno. Berbanding Pergerakan Pemuda Umno diketuai Ketuanya, Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang turun ke medan bagi membantu jentera kempen, Pergerakan Wanita sendiri tidak nampak muka. Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman yang memang dijadualkan datang, tidak kelihatan. Apa sudah jadi dengan Pergerakan Wanita?

Namun keseluruhannya pemimpin BN terutama Annuar dan Mustapa memang diakui bekerja bertungkus lumus serta cukup dedikasi. Sebelum menyentuh Annuar, Mustapa sendiri diakui pemimpin BN mithali Kelantan kerana kegigihannya untuk memenangkan BN. Beliau memulakan program harian berkempen pada jam 5.30 pagi, bersolat subuh, makan nasi berlauk di rumah penduduk kampung dan meneruskan program sehingga jam 1 dan 2 pagi. Bagi Annuar pula, beliau nampaknya memperkenalkan strategi baru, iaitu mengingatkan penyokong BN agar lebih ikhlas bekerja dengan tidak lagi mengharapkan imbuhan wang, kebendaan dan projek. Khabarnya kenyataan Annuar itu yang sudah tentu drastik tidak digemari pemimpin dan penyokong BN di peringkat bahagian. Apa lagi semangat berkorban dan bekerja kerana Allah yang memang sentiasa tertanam di jiwa pendokong dan penyokong Pas amat tipis sekali di kalangan penyokong Umno/BN. Setiap kerja mesti ada upah, fulus dan projek. Budaya ada kerja ada upah; bagi pendapat mesti ada 'pendapatan' haruslah ditukar, bagi memastikan keutuhan Umno/BN tidak tergugat terutama dalam saat kritikal seperti pilihan raya. Langkah Annuar itu adalah permulaan terbaik sama ada digemari atau tidak bagi mendidik dan mendisiplinkan ahli Umno/BN di negeri Kelantan di masa depan.

Bagi dalil ini, nampaknya Umno/BN Kelantan memerlukan beberapa waktu lagi untuk melakukan perubahan lebih menyeluruh. Reformasi yang menjadi inti ucapan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Perhimpunan Agung Umno Oktober lalu, sebenarnya amat relevan sekali dimulakan di Kelantan. Umno negeri memerlukan satu program reformasi besar-besaran dan pembersihan dalaman bagi memastikan wujudnya pasukan mantap yang mahu tidak mahu mesti menjadikan pendekatan Islam secara progresif. Umno/BN mesti membina dari sekarang barisan pimpinan negeri, bahagian dan cawangan; Pemuda dan Wanita yang sederhana, mithali, menghayati tradisi ilmu, berjejak di bumi (down to earth) seperti Mustapa dan tidak 'gedebe'. Umno/BN mesti mewujudkan seberapa ramai pemimpin yang ada ciri-ciri ini jika hajat untuk menumbangkan Kelantan menjelang pilihan raya umum akan datang mahu menjadi kenyataan.

Pendekatan 'Siasah Syariah' mestilah ditingkatkan dengan Umno/BN mengemukakan satu pelan bekerja yang lebih tersusun sejajar prinsip Fiqqul Awwlawiyyat (Fikah Keutamaan) untuk memastikan perjuangannya benar-benar

untuk mendaulatkan Islam yang syumul. Jika tiada sebarang langkah bagi memperkenalkan alternatif Islam sebagai agama yang progresif, sudah pasti Umno/BN akan terus ketinggalan ketika mana Pas sudah `berlari' jauh meninggalkannya bersama-sama penyokong setia (hardcore) setidak-tidaknya antara 30 dan 40 peratus di sesuatu kawasan pilihan raya negeri atau Parlimen.

Banyak pengajaran yang boleh diambil oleh BN ekoran kekalahannya di Pulau Chondong. Selepas ini jangan lagi terlalu berkeyakinan untuk menang mudah atau selesa selagi mana jentera parti di semua peringkat tidak dipastikan kemantapannya.

(END)